

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 5 Februari 2025**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

VISUAL INTERAKTIF MY LOCAL STATS

Visual Interaktif My Local Stats memaparkan 381 indikator nasional, 238 indikator negeri dan 101 indikator daerah pentadbiran

PUTRAJAYA, 5 FEBRUARI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini telah memuat naik data My Local Stats 2023 melalui platform visual interaktif yang boleh diakses di portal DOSM serta aplikasi mudah alih DOSM. Platform ini menyediakan paparan statistik sosioekonomi utama di peringkat negeri dan daerah pentadbiran bagi tempoh 2019 hingga 2023 berdasarkan penerbitan My Local Stats 2023 yang telah dikeluarkan pada 22 November 2024. Visual interaktif ini juga memuatkan siri masa bagi indikator terpilih sejak tahun 2015.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Visual interaktif My Local Stats direka untuk memudahkan pencarian data sosioekonomi setempat dengan platform mesra pengguna. Ini merupakan platform baharu untuk mengakses statistik secara visual, sekali gus dapat membuat capaian kepada data dengan mudah dan efisien”.

Platform ini merangkumi 16 bidang statistik meliputi 12 bidang sosial iaitu Maklumat Asas, Penduduk, Perumahan, Guna Tenaga, Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah, Pendidikan, Kesihatan, Perkhidmatan Kebajikan, Keselamatan Awam, Perhubungan & Rekreasi, Internet & Media Sosial dan Kemudahan Asas serta empat bidang ekonomi iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar, Indeks Harga Pengguna, Eksport & Import dan Sektor Ekonomi (Pertanian, Perlombongan & Pengakuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 5 Februari 2025**

Platform ini menyediakan akses kepada 381 indikator di peringkat nasional, 238 indikator di peringkat negeri, dan 101 indikator di peringkat daerah pentadbiran. Antara indikator yang dimuatkan dalam visual interaktif versi portal dan aplikasi mudah alih ialah saiz keluasan tanah mengikut negeri dan daerah pentadbiran, data penduduk mengikut negeri, jantina dan kumpulan etnik, data perkahwinan dan perceraian, maklumat tenaga buruh, statistik perumahan seperti stok kediaman sedia ada dan jumlah kediaman yang dirancang. Selain itu, ia juga menyediakan maklumat prasarana seperti bilangan hospital dan klinik kerajaan, balai polis dan balai bomba, pusat perkhidmatan orang kurang upaya, kanak-kanak dan warga emas serta tandas awam.

Melalui platform ini, pengguna dapat meneroka maklumat sehingga ke peringkat daerah pentadbiran dan membuat perbandingan antara negeri dan daerah lain. Maklumat ini sangat berguna dalam merancang pembangunan yang lebih strategik dan berkesan di kawasan yang terlibat. Selain itu, platform ini juga berperanan penting dalam menilai kesejahteraan masyarakat setempat. Sebagai contoh, pengguna boleh membandingkan kadar pengangguran, akses kepada kemudahan kesihatan, peluang pendidikan dan ketersediaan kemudahan asas antara daerah. Di samping itu, ia juga dapat membantu bagi pengukuran kualiti hidup masyarakat dan menjadi panduan utama dalam merancang penyediaan kemudahan terbaik yang memenuhi keperluan khusus bagi sesebuah kawasan.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menegaskan bahawa statistik yang lebih terperinci adalah asas penting dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar bagi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Maklumat yang tersedia akan memberi manfaat besar kepada masyarakat yang membolehkan perancangan dan pengurusan sumber yang lebih cekap oleh pihak pembuat keputusan di peringkat daerah dan kerajaan tempatan.

Visual interaktif My Local Stats ini boleh diakses melalui pautan <https://www.dosm.gov.my/portal-main/mylocalstats/>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 5 Februari 2025**

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 5 Februari 2025**

Ringkasan Paparan Visual Interaktif My Local Stats


KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



PORTAL




MOBILE APPS

Mobile Apps boleh dimuat turun melalui aplikasi Apps Store (IOS) atau Play Store (Android) dengan kata carian DOSM

VISUAL INTERAKTIF MY LOCAL STATS

Merealisasikan inisiatif kerajaan digital ke arah negara pintar

Memaparkan statistik sosial dan ekonomi sehingga peringkat daerah bagi data siri masa dari 2015 - 2023

381

Indikator Tersedia



**VISUAL INTERAKTIF
MY LOCAL STATS
AKAN DITERBITKAN PADA**

5 FEBRUARI 2025
(RABU)
PADA 12:00 TENGAH HARI



LIVE





@StatsMalaysia

**MALAYSIA
MADANI**

**ASEAN
MALAYSIA 2025**
KETENAGAKUTAN DAN KEMAMPUAN

20 Oktober
2016 - 2030

Dikeluarkan oleh:
PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
5 FEBRUARI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 5th February 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MY LOCAL STATS INTERACTIVE VISUALISATION

My Local Stats displays 381 national indicators, 238 state indicators and 101 administrative district indicators through interactive visualisation;

PUTRAJAYA, 5th FEBRUARY 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has uploaded the My Local Stats 2023 data through its interactive visual platform accessible via DOSM portal and DOSM mobile application. This platform provides visual representations of key socioeconomic statistics at the state and administrative district levels for the period 2019 to 2023 based on the My Local Stats 2023 publication released on 22nd November 2024. This interactive visualisation also includes time series for selected indicators starting year 2015.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The interactive visualisation of My Local Stats is designed to simplify the search for local socioeconomic data through a user-friendly platform. This is a new platform for accessing statistics visually, thereby making access to data easy and efficient."

This platform covers 16 statistical areas encompassing 12 social areas namely Basic Information, Population, Housing, Employment, Household Income & Expenditure, Education, Health, Welfare Services, Public Safety, Communication & Recreation, Internet & Social Media and Basic Amenities as well as four economic areas namely Gross Domestic Product,

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 5th February 2025**

Consumer Price Index, Export & Import and Economics Sector (Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services).

This platform includes 381 indicators at the national level, 238 indicators at the state level and 101 indicators at the administrative district level. Among the indicators included in interactive visualisation on the portal and mobile app were land area size by state and administrative district, population data by state, gender and ethnic group, marriage and divorce data, labor force information, housing statistics such as existing housing stock and planned residential units. Additionally, it provides infrastructure details such as the number of government hospitals and clinics, police and fire stations, service centers for persons with disabilities, children and the elderly, as well as public toilets.

Through this platform, users can explore information up to the administrative district level and make comparisons between states and other districts. The information very useful in planning for a more strategic and effective development in the respective areas. Additionally, this platform plays an important role in assessing the well-being of the local community. For example, users can compare unemployment rates, access to health care facilities, educational opportunities and the availability of basic amenities between districts. Furthermore, it also helps in measuring the quality of life of the community and serves as a key guide in planning the provision of better facilities that cater to the specific needs of the respective area.

The Chief Statistician also emphasized that detailed statistics form a crucial foundation for policy formulation and implementation to support national development and the well-being of the people. The information available will greatly benefit society by enabling more efficient resource planning and management by decision-makers at the district and local government levels.

My Local Stats interactive visualisation can be accessed via a link <https://www.dosm.gov.my/portal-main/mylocalstats/>.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 5th February 2025**

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 5th February 2025

Summary Display of My Local Stats Interactive Visualisation



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



PORTAL





MOBILE APPS

Mobile Apps can be downloaded through the Apps Store (IOS) or Play Store (Android) application with the search word DOSM

MY LOCAL STATS

INTERACTIVE VISUALISATION

Realising digital government initiatives towards a smart country

Displays social and economic statistics up to the district level for time series data from 2015 - 2023

381 Available Indicators

VISUAL INTERACTIVE MY LOCAL STATS WILL BE RELEASED ON

5 FEBRUARY 2025 (WEDNESDAY) AT 12:00 P.M.

 **LIVE**



@StatsMalaysia



20 October 2016 - 2030

Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
5th FEBRUARY 2025